

Tarikh Berkuatkuasa: 25/02/2026

TERMA DAN SYARAT SERVIS ZAKAT AEON BANK

PENTING

Servis Zakat AEON Bank ini tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, [Terma Penggunaan Am](#) AEON Bank, dokumen yang disenaraikan dalam Klausa 4.1 di bawah serta semua terma dan syarat berkenaan yang lain seperti dinyatakan dalam Aplikasi AEON Bank ("**Terma dan Syarat ini**"). Dengan menggunakan Servis Zakat AEON Bank, anda bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang perubahan berikutnya.

1. Definisi

Terma	Definisi
"AEON Bank" atau "Bank"	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad.
"Aplikasi AEON Bank"	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank.
"Akaun Simpanan-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
"Pelanggan"	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank.
"Servis Zakat AEON Bank" atau "Servis Zakat"	Merujuk kepada fungsi AEON Bank yang direka untuk mempermudah dan melancarkan pembayaran Zakat kepada Badan/Agensi Zakat di seluruh Malaysia, dengan Tulus Digital Sdn Bhd bertindak sebagai Ejen Zakat.
"Zakat"	Merujuk kepada satu bentuk pemberian amal yang wajib dalam agama Islam. Amalan ini adalah salah satu daripada Lima Rukun Islam, bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan dan menyucikan harta seseorang.
"Pembayar Zakat"	Merujuk kepada Pelanggan yang membuat pembayaran Zakat melalui Aplikasi AEON Bank.
"Ejen Zakat"	Merujuk kepada Tulus Digital Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bekerjasama dengan AEON Bank sebagai rakan kongsi strategik dan dilantik oleh Badan/Agensi Zakat Negeri sebagai "Ejen Zakat".
"Badan/Agensi Zakat"	Merujuk kepada badan atau agensi Zakat yang diberi kuasa untuk mengutip Zakat bagi pihak Lembaga / Pihak Berkuasa Zakat yang

	berkenaan, seperti yang disenaraikan di Aplikasi AEON Bank.
“Lembaga / Pihak Berkuasa Zakat”	Merujuk kepada institusi rasmi Zakat negeri yang bertanggungjawab dalam pentadbiran, kutipan dan pengagihan Zakat kepada penerima yang ditetapkan.

2. Kriteria Kelayakan

2.1 Untuk menggunakan Servis Zakat, seorang Pelanggan mestilah memenuhi semua kriteria berikut:

- (a) Mempunyai Akaun Simpanan-i AEON Bank yang aktif; dan
- (b) Merupakan warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia.

2.2 Pelanggan berikut tidak layak untuk menggunakan Servis Zakat:

- (a) Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka telah ditamatkan/tidak aktif, ditutup, delinkuen atau dikendalikan dengan cara yang dianggap tidak memuaskan; dan/atau
- (b) Pelanggan yang tidak lagi waras dari segi mental, meninggal dunia, diisytiharkan mufliis atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dimulakan terhadap mereka

3. Penggunaan Servis Zakat AEON Bank

3.1 Untuk membayar Zakat melalui Servis Zakat, Pelanggan boleh memilih jenis Zakat serta Badan/Agensi Zakat yang tersedia melalui Servis Zakat AEON Bank di Aplikasi AEON Bank.

3.2 Pelanggan memahami bahawa jumlah sumbangan Zakat akan ditolak dari Akaun Simpanan-i AEON Bank Pelanggan. Tertakluk pada situasi di mana berlakunya kerosakan sistem (e.g. pembayaran pendua, ralat transaksi, sistem tidak berfungsi), tiada sebarang pulangan balik akan diberi selepas pembayaran berjaya diselesaikan.

3.3 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengesahkan dan memastikan bahawa semua maklumat yang diperlukan diisikan dengan tepat dan lengkap sebelum membuat sebarang pembayaran sumbangan Zakat. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, selepas potongan pembayaran Zakat Pelanggan berjaya, Pelanggan akan menerima notifikasi-notifikasi yang berikut:

- (i) pengesahan pembayaran dari AEON Bank;
- (ii) emel notifikasi pembayaran Tulus; dan

- (iii) Resit cukai rasmi (atas permintaan terus Pelanggan daripada Badan/Agensi Zakat yang berkaitan selepas 7 hari waktu bekerja setelah pembayaran dilakukan).

3.4 Pelanggan bersetuju bahawa Servis Zakat AEON Bank adalah tertakluk kepada [Terma dan Syarat Ejen Zakat](#).

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan menggunakan Servis Zakat, Pelanggan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, serta mana-mana terma dan syarat lain yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Simpanan-i AEON Bank.
- 4.2 AEON Bank hanya bertindak sebagai saluran pembayaran. AEON Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab, kewajipan atau liabiliti terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Ejen Zakat. Ejen Zakat bertanggungjawab sepenuhnya atas segala tanggungjawab, kewajipan dan liabiliti berhubungan dengan perkhidmatan yang disediakan olehnya, termasuk pematuhan Syariah. AEON Bank juga tidak akan menanggung sebarang liabiliti bagi pengirisan akhir atau pengagihan dana Zakat daripada Ejen Zakat kepada Badan/Agensi Zakat yang berkaitan.
- 4.3 AEON Bank dan/atau Ejen Zakat, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhak untuk membatalkan kelayakan atau menolak transaksi pembayaran, sekiranya Pembayar Zakat didapati atau disyaki dengan munasabah telah melanggar Terma dan Syarat ini, atau menyalahgunakan Servis Zakat atau proses pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada penglibatan dalam aktiviti penipuan, mengelirukan atau menyalahi undang-undang.
- 4.4 Dengan menggunakan Servis Zakat, Pembayar Zakat bersetuju dengan [Notis Privasi](#) AEON Bank di mana Pembayar Zakat bersetuju dan memberi kebenaran untuk membolehkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh AEON Bank untuk kegunaan Servis Zakat AEON Bank.
- 4.5 Dalam apa jua keadaan, AEON Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, kerugian langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) oleh mana-mana pihak walau bagaimana sekalipun timbul, sama ada melalui kontrak, tort, kecuai atau sebaliknya, yang berkaitan dengan Servis Zakat.
- 4.6 AEON Bank tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau dianggap bertanggungjawab atas sebarang kegagalan melaksanakan kewajibannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagian yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik, atau sebarang bencana alam di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor berbentuk force majeure yang berada di luar kawalan munasabah AEON Bank.
- 4.7 AEON Bank serta pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen-ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank) tidak akan

bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sama ada yang dialami oleh Ahli atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Ahli dalam Servis Zakat.

- 4.8 AEON Bank berhak untuk mengubah, meminda dan/atau menyemak mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli melalui laman sesawang Bank atau Aplikasi AEON Bank.
- 4.9 AEON Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau menamatkan Servis Zakat (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian) pada bila-bila masa, dengan memberikan notis yang munasabah terlebih dahulu melalui laman sesawang AEON Bank, Aplikasi AEON Bank, atau mana-mana kaedah lain yang ditentukan oleh Bank
- 4.10 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.11 Keputusan AEON Bank dan/atau Ejen Zakat, mengikut mana-mana berkenaan, berhubung dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Servis Zakat adalah muktamad dan mengikat.
- 4.12 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi atau publisiti yang berkaitan dengan Servis Zakat, Terma dan Syarat ini akan mengatasi bahan tersebut.
- 4.13 Terma dan Syarat ini juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, pertentangan, kekaburan atau perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.